



TONGKAT TERANGKAT

Peranti motosikal ciptaan UTHM muncul johan MyINOVASI 2014

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my
Putrajaya

Inovasi menghasilkan tongkat motosikal yang terangkat secara automatik sebaik enjin dihidupkan membawa tuah kepada tiga penuntut Universiti Tun

Hussein Onn (UTHM) Batu Pahat, Johor apabila diumumkan sebagai johan MyINOVASI 2014.

Penuntut, Mohd Lutfi Suhaimi, 27, berkata, situasi membawa motosikal dalam keadaan tongkat tidak dinaikkan sering berlaku terutama mereka yang sudah berusia.

Menurutnya, sebagai seorang penunggang motosikal, dia juga tidak terlepas dengan keadaan seperti itu dan boleh mengundang kemalangan.

"Kami melakukan banyak kajian mengenai perkara ini hingga tercetus idea untuk menghasilkan inovasi ini. Idea ini juga kami kongsi dengan pensyarah di universiti yang kemudian banyak

memberi dorongan sehingga kertas kerja siap untuk dibentangkan,"katanya ketika ditemui selepas majlis Kemuncak Nasional Pertandingan MyINOVASI 2014, di sini, semalam.

Menerusi kemenangan itu, Mohd Lutfi dan dua lagi rakan, Nazrin Anjang, 25, dan Nanthini Kanasan, 24, membawa pulang geran bernilai RM50,000.

Hadiah disampaikan Timbalan Menteri Pendidikan dan I Dato Mary Yap Kain Ching.

Mohd Lutfi berkata, mereka berdepan banyak masalah untuk menghasilkan reka bentuk

dan beberapa perinciannya, namun ia tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk menghasilkan produk berkenaan.

"Kerjasama yang diberikan ahli kumpulan banyak membantu dalam penghasilan produk ini. Kami merancang untuk mengkomersialkan produk ini untuk kegunaan orang ramai dengan harga mampu milik,"katanya.

Sementara itu, Naib Johan Pertama pula dimenangi Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kent, Tuaran; Sabah, yang menghasilkan alat cengkaman untuk menulis (power grip pencil) dan menerima hadiah wang tunai RM4,000.

Naib Johan Kedua dimenangi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang menerima wang tunai sebanyak RM3,000 dan Naib Johan Ketiga dimenangi Kolej Komuniti Bagan Serai, Perak pula menerima wang tunai sebanyak RM2,000.

Juara



“Kerjasama diberikan ahli kumpulan banyak membantu dalam penghasilan produk. Kami rancang untuk komersialkan produk ini untuk kegunaan orang ramai dengan harga mampu milik”
Mohd Lutfi Suhaimi



SMART Bin yang direka peserta UTM Skudai.